

11 NOV 1999

Ghani-BN

BEBERAPA MUKA BARU DARI UMNO AKAN BERTANDING DI JOHOR, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 11 Nov (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata, beberapa muka baru dari Umno akan diketengahkan untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum kali ini.

"Ada yang lama dan ada yang baru. Ia kombinasi lama dan baru," katanya kepada pemberita selepas menghadiri demonstrasi Mushin-Do, seni mempertahankan diri dari Jepun, di sini malam semalam.

Abdul Ghani berkata, beliau telah meminta bahagian-bahagian Umno di Johor supaya mengemukakan nama-nama calon yang dicadangkan untuk penelitian dan dikemukakan kepada BN pusat untuk kelulusan.

Beliau juga berkata tidak ada perubahan dalam jumlah agihan kerusi di kalangan parti komponen BN di Johor kecuali beberapa pertukaran di kalangan parti komponen.

Pada pilihan raya umum 1995, BN menyapu bersih kesemua 40 kerusi DUN dan 20 kerusi parlimen di Johor. Pada masa itu, Umno diperuntukkan 25 kerusi, MCA 11 manakala MIC dan Gerakan, masing-masing dua kerusi bagi DUN.

Bagi kerusi Parlimen pula Umno diperuntukkan 13 kerusi, MCA enam kerusi dan MIC satu.

"Kata putus berhubung pemilihan calon terletak pada Pengerusi BN pusat. Bahagian (Umno) diminta membuat cadangan dan saya akan membawanya ke pusat. Yang penting ialah ahli-ahli BN menerima keputusan (yang dibuat pucuk pimpinan)," katanya.

Ketika ditanya mengenai kriteria yang ditetapkan untuk memilih seseorang calon bertanding, beliau berkata selain latar belakang yang baik, penilaian juga dibuat berdasarkan rekod pencapaian serta pengiktirafan masyarakat setempat.

BN perlu menyediakan calon yang dapat diterima oleh masyarakat kerana pengundi kini agak teliti menilai calon-calon yang diketengahkan oleh mana-mana parti, katanya.

"Kriteria penting ialah mendapatkan calon yang boleh menang di kawasan yang ditandingi berdasarkan penerimaan pengundi," kata beliau.

Abdul Ghani yakin BN dapat mengekalkan rekod cemerlangnya di Johor berdasarkan apa yang dapat dilihat daripada lawatan-lawatannya ke setiap kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, baru-baru ini.

Ketika ditanya sama ada beliau akan bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen kali ini, Abdul Ghani yang hanya sepenggal memegang jawatan Menteri Besar Johor, berkata: "Saya tidak tahu... terserahlah kepada Pengerusi BN."

"Kita hanya mendapat arahan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri dan kita diminta menyediakan senarai calon untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi BN," katanya ketika didesak sama ada soal itu ada dibincangkan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, semalam.

-- BERNAMA

MKO PR